

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 29 JULAI 2004, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 22-100200
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggalakkan orang awam menggunakan beg kertas yang disebut "biodegradable" menggantikan beg plastik yang mencemarkan alam sekitar.
2. 8-100386
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes Ceti Haram "Ah Long" yang dapat ditangkap dalam masa 2 tahun yang lalu dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.
3. 9-100311
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menentukan nelayan-nelayan dan para petani kita mencapai kejayaan seperti nelayan di negara-negara lain terutamanya Jepun dan Thailand.
4. 53-100219
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah peratus rakyat Malaysia yang mempunyai rumah sendiri dan berapa yang masih diklasifikasikan dalam golongan setinggan. Apakah cadangan dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan negara kita bebas dari setinggan.

5. 42-100240
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah sosial di kalangan remaja di negara kita.
6. 18-100026
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil terhadap hospital-hospital Kerajaan dan swasta yang melambatkan proses pembedahan atau perubatan pesakit-pesakit kronik akibat daripada kerenah birokrasi.
7. 26-100198
Tuan Zainal bin Rampak minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-
 - (a) berapakah jumlah kemasukan pelaburan syarikat-syarikat asing ke negara ini melalui FDI dan jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan hasil dari pelaburan tersebut sehingga Jun 2004; dan
 - (b) berapakah jumlah syarikat asing dan juga tempatan yang telah memindahkan operasi mereka ke negara lain (relocation) dan jumlah kehilangan pekerjaan rakyat negara ini akibat perpindahan tersebut sehingga Jun 2004.
8. 50-100406
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan bilangan guru lelaki yang menyertai profesion perguruan dinaikkan dalam usaha membendung gejala sosial yang makin serius di sekolah-sekolah sekarang.
9. 38-100259
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan menangani kewujudan para penduduk negara ini yang mempunyai dua kerakyatan kerana kewujudan mereka boleh mengancam keselamatan negara.
10. 39-100327
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mengutamakan spesifikasi keselamatan terhadap kereta-kereta nasional sepertimana ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada kereta-kereta nasional yang dieksport.

11. 34-100375
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-
- (a) dari tahun 1999 sehingga bulan Mei, 2004 berapakah jumlah anggaran "Ceti Haram" (Along) atau pemberi pinjaman wang tanpa lesen yang dikesan beroperasi mengikut negeri di seluruh negara serta nilai wang yang terlibat; dan
 - (b) anggaran jumlah mereka yang menjadi pelanggan mengikut kategori Perkhidmatan Awam (termasuk Polis dan Tentera) dan peniaga kecil dan orang perseorangan.
12. 4-100203
Puan Jaya Partiban minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengambil langkah yang perlu untuk mengalakkan para pemaju memberi diskaun kepada mereka yang berpendapatan rendah tanpa mengira kaum.
13. 21-100177
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan jumlah kes tertangguh dan kekosongan di Jabatan Kehakiman yang belum diisi terutamanya di Sabah and Sarawak adakah kekosongan ini akan diisi secepat mungkin.
14. 25-100254
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah terdapat perbezaan tambang yang begitu ketara antara MAS dan AirAsia terutama harga tambang bagi penerbangan domestik. Apakah cadangan Kementerian bagi mengatasi perkara ini.
15. 45-100137
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) jumlah pelajar ponteng yang ditangkap setelah polis diberi kebenaran untuk berbuat demikian; dan
 - (b) jumlah pelajar yang dikenal pasti menjadikan kafe siber sebagai 'port' ketika ponteng sekolah.
16. 52-100416
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membeli ataupun menyewa ruang-ruang kedai yang "prime" di gedung-gedung ataupun pusat membeli belah yang terkenal bagi tujuan untuk disewakan semula kepada pengusaha-pengusaha bumiputera di dalam usaha melahirkan peniaga-peniaga bumiputera yang mampu bersaing ataupun bertanding dengan bangsa lain terutamanya di dalam sektor peruncitan.

17. 30-100223
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagi mengatasi kelemahan peratusan pendidikan keseluruhannya pada negara adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk mengklasifikasikan sekolah-sekolah orang asli kepada jenis Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) sesuai dengan SJK (C) dan SJK (T) sekarang.
18. 47-100091
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam usaha menyekat capaian laman web lucah oleh rakyat Malaysia terutamanya di kalangan pengguna perkhidmatan "cafe cyber" memandangkan tempat ini sangat terdedah kepada umum dan senantiasa digunakan oleh golongan remaja.
19. 17-100042
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah peningkatan bilangan penagih dadah sejak lima tahun yang lepas dan apakah tindakan-tindakan yang diambil. Adakah rancangan menubuhkan satu badan yang berkuasa untuk merancang, bertindak dan menyelaraskan usaha-usaha oleh semua pihak dan semua Kementerian supaya dapat melipat gandakan keefektifan pambanterasannya penyalahgunaan dadah.
20. 20-100059
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah wang caruman KWSP yang telah dibayar oleh majikan sejak tahun 2000-3000 dan di institusi manakah pihak pengurusan KWSP membuat pelaburan serta jumlahnya ; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian bercadang mengkaji semula sistem pembayaran dividen kepada pencarum yang agak rendah jika dibandingkan dengan institusi korporat yang lain.
21. 19-100184
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada jumlah doktor pakar penyakit kronik di hospital-hospital Kerajaan mencukupi atau pun mengalami kekurangan dan nyatakan dalam bidang apakah mereka kekurangan pakar di hospital Kerajaan.

22. 27-100349
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (a) apakah rancangan Kerajaan bagi memastikan wawasan "IKS Maju Kampung Berjaya" dapat dilaksanakan dengan ayanya dan apakah sumbangan khidmat yang diberi oleh gensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Bukan Kerajaan bagi memastikan kejayaan wawasan itu; dan
 - (b) sama ada Kementerian ada berganding bahu dengan Kementerian Pelancongan bagi mewujudkan konsep "home-stay" di kampung-kampung bagi menarik minat lebih ramai pelancong bagi menikmati kehidupan di luar bandar.
23. 49-100363
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam menangani isu keselamatan nelayan tempatan yang dikatakan menghadapi ancaman dari lanun-lanun di perairan Selat Melaka baru-baru ini.
24. 46-100133
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) statistik terkini anggota PDRM mengikut pecahan kaum, jantina dan negeri; dan
 - (b) usaha yang telah diambil bagi menambah jumlah tersebut khususnya menarik kaum Cina dan India untuk berkhidmat sebagai polis.
25. 38-100270
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan kotak hitam dalam mengawal kadar kemalangan jalan raya terutama yang membabitkan bas-bas ekspres kerana para pengusaha bas mendakwa mereka telah mengeluarkan perbelanjaan besar untuknya.
26. 41-100074
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang Kementerian memberi bantuan modal kepada sekolah-sekolah sangat terhad:-
- (a) adakah Kementerian sedia untuk mengagihkan kerusi dan meja lama murid Sekolah Bantuan Penuh kepada Sekolah Bantuan Modal; dan
 - (b) adakah Kementerian sedia menambah bantuan modal kepada sekolah-sekolah tersebut.

27. 40-100165
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah penglibatan pelajar Melayu dalam bidang perubatan dan berapa peratus mereka yang terlibat dalam bidang ini sama ada di IPTA dan IPTS.
28. 48-100002
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasi keraguan-keraguan Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM) seperti di dalam Laporan Tahunan 2003 yang menyatakan Kerajaan tidak menerima perakuan-perakuannya secara positif.
29. 9-100275
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah drastik yang diambil bagi mengurangkan karenah birokrasi ke atas pesakit-pesakit kronik yang memerlukan rawatan yang segera.
30. 19-100179
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah anak-anak orang asli yang masih tidak bersekolah atau pun tidak meneruskan pelajaran akibat desakan hidup; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan masyarakat orang asli daripada terus hidup dengan situasi buta huruf dan tiada ilmu pengetahuan.
31. 27-100346
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) apakah dana-dana yang disediakan oleh pihak Institusi-institusi Kewangan kepada usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS); dan
 - (b) adakah Kementerian menyedari bahawa dana tersebut sukar diperolehi tetutamanya oleh usahawan IKS bumiputera kerana kekangan, cagaran dan lain-lain walaupun ada di antara IKS tersebut amat berdaya maju. Jika benar, bagaimanakah cara bagi mengatasi masalah ini.

32. 45-100138
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah tuntutan yang difailkan oleh pengguna kepada Tribunal Tuntutan Pengguna antara 2000 hingga 2003, dan jumlah kes yang berjaya diselesaikan.
33. 20-100058
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan yang lebih signifikan yang boleh dimainkan oleh Ahli Dewan Negara secara langsung di kawasanya dengan peruntukan yang sedia ada untuk membantu Kerajaan ke arah mencapai kemiskinan sifar, mengurangkan atau memerangi gejala sosial dan melaksanakan program "Mesra Rakyat".
34. 39-100326
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menjamin kualiti air yang disalurkan adalah bersih dan tidak menjejaskan kesihatan. Ini disebabkan kualiti yang disalurkan kini masih lagi di tahap yang kurang memuaskan.
35. 23-100096
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-
- (a) bilangan pertubuhan dan persatuan belia mengikut kaum yang wujud dalam negara kita dan berapa ramaikah golongan remaja yang telah menyertai pertubuhan dan persatuan ini setakat bulan Jun 2004; dan
 - (b) berapakah bilangan belia-belia di bawah umur 40 tahun dalam negara kita dan berapakah bilangannya yang tidak berpersatuan.
36. 34-100380
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) sehingga April, 2004 berapakah jumlah pekerja asing yang sedang berkhidmat di negara kita mengikut sektor dan berapakah pula anggaran pekerja tanpa izin yang sedang berada di dalam negara; dan
 - (b) apakah strategi dan perancangan yang lebih berkesan yang sedang dan akan diambil bagi menangani masalah banjir pendatang tanpa izin.

37. 46-100118
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik lengkap rakyat Malaysia yang masih belum memiliki rumah sendiri dan apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memastikan rumah-rumah kos rendah benar-benar mampu dan dimiliki oleh kumpulan sasar.
38. 9-100273
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengurangkan tempoh selama 5 tahun untuk mendapatkan lesen senjata api oleh bekas anggota tentera dan polis yang menyertai perkhidmatan RELA dan mengekalkan lesen senjata api pusaka mereka.
39. 18-100023
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah yang telah dan sedang diambil dalam menangani kenaikan harga tambang kenderaan awam berikutan kenaikan harga minyak di pasaran.
40. 38-100274
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi memastikan setiap pekerja asing di negara ini bebas daripada sebarang penyakit berjangkit terutama mereka yang memasuki negara ini secara haram.
41. 45-100139
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan status sebenar tahap kebersihan dan kualiti air di Selangor dan Wilayah Persekutuan seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Kimia.
42. 20-100062
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang telah dan akan di ambil untuk menghalang kemasukan pendatang tanpa izin yang dijangka menghalang kemasukan pendatang tanpa izin yang dijangka melebihi 1.2 juta orang dan adakah Kementerian bercadang mengenakan apa-apa tindakan sama ada denda atau hukuman yang lebih berat atau mengkaji undang-undang yang sedia ada bagi menghalang kemasukan pendatang tanpa izin ini.
43. 51-100084
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratusan agihan kontrak pembekalan produk perubatan bagi tahun 2004 kepada syarikat-syarikat bumiputera, syarikat-syarikat bukan bumiputera dan syarikat-syarikat luar negeri.

44. 17-100037
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan reputasi Universiti Malaya dan IPTA Malaysia yang lain dalam "ranking" universiti di Asia dan apakah usaha-usaha untuk mempertingkatkan kedudukan dalam "ranking" tersebut dan juga membantu mempercepatkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.
45. 49-100357
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan atau program yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dalam usaha menerapkan nilai-nilai warisan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.
46. 4-100212
Puan Jaya Partiban minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang menggalakkan petani kita menanam "beras basmati" memandangkan import beras jenis ini makin bertambah.
47. 21-100178
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengemas kini Ordinan Peguambela Sabah untuk mengawasi beberapa peruntukan bidang guaman dan kepentingan awam.
48. 43-100077
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:-
- (a) apakah punca yang menyebabkan surat lambat sampai sehingga ada yang terlepas peluang temuduga; dan
 - (b) apakah tindakan yang diambil kepada pekerja "POS MALAYSIA BERHAD" yang telah membuang bungkusan-bungkusan surat ini seperti yang tersiar di dalam akhbar baru-baru ini.
49. 52-100415
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian di dalam mengawal kemasukan ubat-ubatan tradisional serta "health supplement" yang banyak sekali kebelakangan ini.

50. 40-100161
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah permohonan Rumah Mesra Rakyat yang telah diluluskan; dan
 - (b) berapakah bilangan Rumah Mesra Rakyat yang telah dibina dan nyatakan bilangan tersebut mengikut negeri.
51. 5-100369
Puan Nosimah binti Hashim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah garis panduan mengenai etika yang telah ditetapkan dalam Profession Kedokteran di Malaysia diguna pakai oleh pengamal perubatan dan sejauh manakah peraturan ini dipatuhi oleh para doktor terhadap pesakit-pesakit.
52. 13-100191
Tuan Udam @ George Adam bin Talek minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebab dan punca beberapa peratus rakyat kita masih berada dalam golongan yang miskin dan termiskin tegar. Apakah langkah-langkah dan usaha yang telah diambil untuk membela nasib golongan tersebut.
53. 10-100302
Datuk William Lau Kung Hui minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan syarikat-syarikat pengurusan saham amanah pada masa ini memerlukan pengurus-pengurus dana dilesenkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003, apakah wujud peruntukan perundangan bagi seseorang Perancang Kewangan Bertauliah (Certified Financial Planner) memiliki kelayakan menerusi kursus-kursus tertentu untuk menjadi seorang perancang kewangan serta bidang-bidang tugas yang boleh diceburi.
54. 14-100305
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan pihak pengurusan ladang akan menyediakan rumah-rumah kos rendah kepada pekerja-pekerja sebagai tanda penghargaan dalam membantu memajukan sektor perladangan mereka.
55. 35-100055
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah karehna birokrasi masih berlaku menyebabkan kelewatan pembedahan Nur Atiqah Najwa yang mengalami penyakit bengkak hati baru-baru ini.

56. 37-100117
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan masih berhasrat untuk meneruskan rundingan dua hala dengan Singapura mengenai penjualan air ke negara itu.
57. 12-100398
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian sudah merangka satu bentuk program khusus dan bersepadu bagi membendung masalah ponteng, buli, samseng dan lain-lain gejala sosial di sekolah dan jika ya apakah kemajuan program tersebut setakat ini.
58. 15-100422
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mewajibkan majikan-majikan bagi mengadakan pusat penjagaan kanak-kanak untuk para pekerja di sektor swasta dan awam di negara kita.
59. 35-100043
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selain daripada subsidi bahan bakar yang berbilion ringgit apakah bentuk lain-lain subsidi Kerajaan yang besar selama ini kepada rakyat supaya rakyat tahu Kerajaan banyak membantu melalui subsidi ini.
60. 19-100176
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit-pesakit di Malaysia yang menerima rawatan di luar negara pada tahun 2002, 2003 dan 2004, dan nyatakan mengikut pecahan kaum.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.1/2004) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [28 Julai 2004]**

2. 45-100144

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengarahkan Kerajaan, khususnya Perbadanan Putrajaya supaya memastikan penggunaan bahasa kebangsaan didaulatkan sepenuhnya di Putrajaya selaras dengan peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Dewan ini melahirkan rasa kesal dengan penggunaan istilah-istilah asing seperti perkataan "presint" di Putrajaya sehingga menjejaskan kedudukan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berjiwa kebangsaan yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan sepatutnya memastikan bahasa kebangsaan didahulukan dalam semua penggunaan, kecuali jika tidak terdapat perkataan bahasa Melayu atau bahasa serumpun, barulah wajar bahasa asing digunakan. Dewan ini juga sangat kesal dengan kecuaiian Kerajaan dalam mendaulatkan bahasa Kebangsaan di pusat pentadbiran itu sehingga menjadi galakan yang boleh merosakkan bahasa Kebangsaan".